

17 MAR 1999
Langkawi-Logo
LANGKAWI AKAN PUNYAI LOGO RASMI

LANGKAWI, 17 Mac (Bernama) -- Langkawi akan mempunyai logo rasminya sendiri tidak lama lagi bagi mewujudkan identiti pulau peranginan ini sebagai satu daripada destinasi utama pelancong ke rantau ini.

Pegawai perhubungan awam Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) Mohd Hatta Said berkata Lada dengan bantuan perunding, Kumpulan Syarikat Sorfena, syarikat yang berpusat di Kuala Lumpur, sudah merekabentuk beberapa logo yang menggambarkan Langkawi sebagai syurga pelancong.

Sorfena baru-baru ini dilantik sebagai syarikat penerbitan yang akan mengetuai usaha bagi mempromosikan pulau peranginan ini.

Logo-logo berkenaan akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kerajaan negeri Kedah untuk kelulusan.

Lada juga katanya menggariskan beberapa program promosi baru di peringkat domestik dan antarabangsa dalam usaha radikalnya bagi mempertingkatkan industri pelancongan di pulau ini.

Antara lain, Lada dengan kerjasama Sorfena akan menerbitkan majalah kembara bertajuk "Langkawi Travel" yang mengandungi antara lain 70 peratus berita mengenai pembangunan Langkawi dan industri pelancongannya.

Hatta berkata majalah dwi-bahasa itu akan diterbitkan empat kali setahun mulai Jun ini.

Matlamat pengedaran awal ialah sebanyak 20,000 naskah yang akan diedarkan percuma kepada hotel, syarikat penerbangan, pejabat Lembaga Penggalak Pelancongan Malaysia di luar negara, ejen pelancongan dan kedutaan Malaysia, katanya.

Hatta juga berkata Lada akan menghantar para pegawainya mengadakan perbincangan dengan ejen pelancongan yang berpotensi di luar negeri bagi membantu mempromosikan Langkawi.

Lada menetapkan sasaran 70 peratus daripada dua juta pelancong yang mengunjungi pulau ini, akan terdiri daripada pelancong asing, menjelang tahun 2005, katanya.

-- BERNAMA
NH LAT RON